



KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Sambutan Jubli Intan Resorts World Genting Membawa Kejohanan Dunia Tarian Singa Genting ke-15 ke Puncak yang Lebih Bermakna

Genting Highlands, 21 Januari 2025 – Kejohanan Dunia Tarian Singa Genting ke-15 yang dinantikan ramai bakal menyaksikan saingan sengit antara pasukan-pasukan tarian singa terbaik dari seluruh dunia dalam satu acara penuh keterujaan di Arena of Stars, dari 25 hingga 27 Julai 2025. Dengan kerjasama Resorts World Genting bersama Persatuan Tarian Naga dan Singa Selangor & Wilayah Persekutuan, pertandingan berprestij ini akan menampilkan persembahan yang memukau, persaingan hebat, serta aksi-aksi luar biasa yang pasti mempesona penonton.

Kejohanan tahun ini amat bermakna kerana ia bertetapan dengan ulang tahun ke-60 Resorts World Genting. Bagi meraikan pencapaian ini, jumlah hadiah yang ditawarkan telah dipertingkatkan dengan ketara bagi edisi kali ini, sekaligus meningkatkan tahap persaingan dan keterujaan bagi peserta serta penonton.

“Tarian singa telah menjadi ikatan budaya yang kuat, menyatukan komuniti dan individu di seluruh dunia. Bersempena dengan sambutan Jubli Intan tahun ini, kami berhasrat untuk menampilkan 40 pasukan dari seluruh dunia, meningkat daripada 36 pasukan pada edisi sebelumnya. Pasukan yang menang akan menerima hadiah yang lebih lumayan, sementara penggemar tarian singa pula boleh menantikan persembahan yang lebih mendebarkan,” kata Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam.

Jangan lepaskan peluang! Pasukan dari seluruh dunia digalakkan untuk mendaftar sebelum 15 Mac 2025 bagi merebut peluang beraksi dalam kejohanan berprestij ini.

Kejohanan Dunia Tarian Singa Genting ke-15 bakal menyaksikan peningkatan jumlah hadiah buat pertama kalinya, di mana juara akan membawa pulang USD 18,000, dengan nama pasukan mereka terukir pada trofi yang berprestij, bersama trofi dan pingat individu. Juara kejohanan akan menerima USD 10,000 bersama trofi, dan pingat, sementara naib juara pula akan dianugerahkan USD 6,000 beserta trofi dan pingat. Selain itu, 7 pasukan akan menerima Anugerah Kecemerlangan, masing-masing bernilai USD 1,800 bersama trofi.

Satu penambahan baru tahun ini adalah pengenalan “Anugerah Pencapaian Kesukaran”, yang memberi penghargaan kepada pasukan yang mempersembahkan aksi paling berani dan mencabar. Penghargaan khas ini akan diberikan dengan hadiah wang tunai sebanyak USD 2,000 dan trofi, sebagai pengiktirafan terhadap kreativiti dan kemahiran luar biasa mereka.

Malaysia akan diwakili dengan penuh kebanggaan oleh tiga pasukan terbaik dari Kejohanan Tarian Singa Kebangsaan Malaysia ke-20, iaitu Xuan Long Dragon & Lion Dance dari Rawang, Persatuan Alumni Sekolah Menengah Kebangsaan Katolik Dragon & Lion Dance Troupe, serta Tarian Singa Kwong Ngai.

Untuk maklumat terkini mengenai Kejohanan Dunia Tarian Singa Genting ke-15, kunjungi laman web rwgenting.com atau ikuti saluran media sosial rasmi kami di @Resorts World Genting.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Ms Shannen Ng

Executive
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9362
Email: shannen.ng@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat rekreasi dan hospitaliti terkemuka di peringkat global. Ia tersenarai di Bursa Malaysia dengan nilai pasaran kira-kira RM16 bilion. Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan beberapa resort utama, antaranya Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City (RWNYC), Resorts World Catskills (RW Catskills), dan Resorts World Hudson Valley (dimiliki 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat (AS), serta Resorts World Bimini (RW Bimini) di Bahamas, Resorts World Birmingham (RW Birmingham), dan lebih daripada 30 kasino di United Kingdom (UK). Tambahan pula, Genting Malaysia juga memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di pulau Langkawi.

Dengan lebih kurang 10,500 bilik merangkumi tujuh hotel yang berbeza, Resorts World Genting (RWG) merupakan destinasi resort bersepadu utama di Malaysia. Resort ini menawarkan pelbagai kemudahan riadah dan hiburan, termasuk permainan, taman tema, tarikan hiburan, tempat makan, kedai runcit, serta pertunjukan antarabangsa dan fasiliti konvensyen perniagaan. Genting SkyWorlds, sebuah taman tema kelas pertama yang bertaraf dunia, menjadi tarikan utama yang menambah lagi kepelbagaian hiburan di RWG. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (sebuah usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) yang terletak di pertengahan bukit, melengkapkan tawaran premium RWG yang meluas dan menegaskan kedudukannya sebagai penyedia hiburan dan riadah terkemuka di rantau ini.

Genting Malaysia merupakan sebuah entiti dalam Kumpulan Genting, sebuah korporat multinasional terkemuka yang diiktiraf sebagai peneraju dalam pengurusan di Asia. Kumpulan Genting dikendalikan oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan berwawasan yang telah berjaya mencipta jenama Resorts World sebagai penggerak utama dalam sektor riadah dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat (AS), Bahamas, dan United Kingdom (UK). Tan Sri Lim Kok Thay turut memiliki pelaburan strategik dalam pelbagai industri di peringkat global, termasuk dalam sektor perladangan kelapa sawit, pembangunan hartanah, penjanaan kuasa, minyak dan gas, pelayaran, serta bidang bioteknologi.